

KOSMO! KHAMIS 9 MAC 2017

Niaga!

Amanah Saham Nasional Berhad

AMANAH SAHAM	HARGA/NAB
AS1M	1.0000
ASN	0.7067
ASN2	0.6181
ASN3	1.0673
ASB	1.0000
ASW 2020	1.0000
ASM	1.0000
ASD	1.0000
ASG	0.9986
PENDIDIKAN	1.0337
KESIHATAN	1.0337
PERSARAAN	1.1617

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

MyAngkasa Amanah sasar 1,000 sijil wasiat diagih dalam tempoh setahun

Khidmat wasiat di Pejabat Pos

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

KUALA LUMPUR — MyAngkasa Amanah Bhd. (MAAB), agensi milik penuh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) mengunjurkan untuk mencapai aset terkumpul bernilai RM4 bilion dengan 1,000 sijil wasiat diagihkan dalam tempoh setahun akan datang.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, misi itu mampu dicapai melalui perkhidmatan pengurusan amanah dan wasiatnya yang dijayakan bersama dengan Pos Malaysia Bhd. (Pos Malaysia) sejak bulan Ogos 2016.

Menurut beliau, sehingga Februari lalu, sejumlah 113 sijil wasiat telah diagihkan kepada pelanggan Pos Malaysia dengan

aset terkumpul bernilai RM40 juta.

"Kami melihat terdapat peningkatan lebih daripada 100 peratus setiap bulan sejak perkhidmatan tersebut diperkenalkan.

"Dengan pemasaran lebih kukuh serta kekuatan kedudukan Pos Malaysia yang memiliki sebanyak 587 cawangan dan 11 pejabat pos besar di Semenanjung Malaysia, kami yakin kerjasama ini dapat memudahkan orang ramai untuk memiliki wasiat dan mendaftar kes rujukan pusaka di mana-mana cawangan terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik pemasaran antara MAAB dengan Pos Malaysia di sini semalam.

Turut hadir Menteri Perda-

TARAN WASIAT & RUJUKAN PU

YAN ASHRAF AMANAH BERHAD

AHMAD SARUJI (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Mohd. Shukrie (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Abdul Fattah (tiga dari kanan) dan Hamzah (empat dari kanan) di Kuala Lumpur semalam.

ganggan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos

Mohd. Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif MAAB, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz.

Selain itu, Mohd. Shukrie menerangkan, dengan harga wasiat

dan pindaan wasiat yang kekal rendah iaitu RM371 berbanding syarikat amanah lain, perkhidmatan tersebut bakal memudahkan urusan harta pusaka para pelanggan.

Mereka hanya perlu membawa sijil mati, kad pengenalan pemohon dan bayaran sebanyak RM53 bagi kes rujukan pusaka di mana-mana cawangan Pos Malaysia terlibat dan seterusnya hanya perlu menunggu makluman perkembangan fail pusaka serta penetapan tarikh bicara kuasa.

MAAB telah mulakan perkhidmatan pengurusan amanah dan wasiat pada tahun 2014 menerusi kerjasama dengan pelbagai institusi dan sehingga sekarang, sebanyak 30,000 wasiat telah diagihkan dengan aset keseluruhan bernilai RM12 bilion.

Perpustakaan Koperasi Malaysia